

## PENERAPAN NILAI-NILAI PENDIDIKAN PONDOK DALAM PENDIDIKAN BERTERUSAN

### Pendahuluan

Saya selalu terkenang dan teringat satu peristiwa. Seorang sahabat saya, sejak dari kecil mendapat pendidikan formal sekolah Inggeris, kemudian melanjutkan pendidikan menengah dan latihan guru di sebuah maktab di England. Bila pulang ke tanah air dalam awal tahun 1950an menjadi guru terlatih. Tetapi pekerjaan itu tidak diminatinya, selepas sepuluh tahun, beliau berhenti dan melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang, juga di England. Beliau kembali ke tanah air di awal tahun 60an hingga sekarang menjalankan firma undang-undang.

Sebagai peguam dalam sebuah firma undang-undang yang terkenal beliau mendapat ganjaran yang lumayan. Tetapi kekayaan lahiriah tidak mencerminkan hakikat yang sebenar kekayaan batiniah. Beliau amat miskin dalam bidang agama. Bagaimanapun beliau amat rajin mengerjakan amalan agama tetapi amalan agama itu dikerjakan dengan separuh yakin kerana banyak benar hal-hal yang berkaitan dengan agama yang tidak diketahuinya.

Beliau sering meluahkan perasaan

"Silap, ayah saya tidak menghantar saya mengaji di pondok".

Keluhan penyesalannya itu menyebabkan saya selalu terkenang dan teringat. Dan sekali gus mencari jawapan kepada persoalan ini. Apakah yang tidak kena: Sistem pelajaran kita yang tidak kena atau individu itu sendiri yang gagal menyesuaikan diri dengan sistem pengajian sesuai dengan konteks masanya.

Sebenarnya, sahabat saya itu sejak kecil mendapat pendidikan Islam dari ayah dan ibunya. Semasa di sekolah Melayu mendapat pendidikan fardu 'ain sessi petang dari darjah sipot (O) hingga darjah tiga, darjah yang tertinggi sekali. Jadi, daripada sekadar mengaji agama selama empat tahun itu sahaja dibawanya bekal hingga hari ini manakala pengajian di bidang duniawi yang bersifat fardu kifayah, beliau telah menghabiskan masa berbelas-belas tahun.